

## Makna Ayat Tanya dalam Novel Lentera Mustika

### *The Meaning of Interrogative Sentences in The Novel of Lentera Mustika*

Siti Salbiah Alias<sup>1</sup>, Sharil Nizam Sha'ri<sup>2</sup>, Halis Azhan Mohd Hanafiah<sup>3</sup>, Ahmad Mahmood Musanif<sup>4</sup>

#### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis ayat tanya yang terkandung dalam novel Lentera Mustika, penulisan Nisah Haron terbitan PTS Litera Utama Sdn.Bhd. (2009). Aspek-aspek yang ditumpukan dalam kajian ini ialah berfokuskan kepada kepelbagaian jenis dan makna ayat tanya yang telah dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Kaedah penyelidikan kepustakaan digunakan bagi mengumpul maklumat yang berkaitan dengan makna dan ayat tanya. Kaedah analisis teks pula digunakan bagi menganalisis ayat tanya berdasarkan teks kajian yang dipilih. Hasil analisis mendapati ayat tanya dalam konteks wacana mempunyai kepelbagaian makna dan fungsi, bukannya sekadar ayat tanya yang hanya terdiri daripada bentuk dan jenis-jenisnya sahaja. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi satu fahaman dan idea baharu terhadap kepelbagaian jenis dan makna ayat tanya. Seterusnya akan melenyapkan tanggapan sebilangan pihak yang beranggapan ayat tanya hanya dikaitkan dengan persoalan yang memerlukan jawapan.*

**Kata Kunci :** Ayat tanya, konteks wacana, jenis dan makna ayat tanya.

#### ABSTRACT

*This research aims to study and analyse interrogative sentences in the novel of Lentera Mustika, written by Nisah Haron published by Litera Utama Sdn.Bhd. (2009). The aspects highlighted in this research are various types and meaning of selected interrogative sentences. This research used library research and content analysing. Library research used to collect the information about meaning and interrogative sentences. Content analysing used to analyses the interrogative sentences based on the selected text. The result of this research shows that interrogative sentences in discourse's context have various meanings and functions. It is not just an interrogative sentences that consist of forms and types. Hence, this research is expected to give a new perspective and idea about the various types and meanings of interrogative sentences. Then to eliminate the thought of some group whose think that interrogative sentences is merely question which in need of answer.*

**Keywords:** Interrogative sentences, discourse's context, types and meaning of interrogative sentences.

---

<sup>1</sup> Siti Salbiah Alias, Pelajar Master, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. [ssalbiah.aliass@gmail.com](mailto:ssalbiah.aliass@gmail.com)

<sup>2</sup> Sharil Nizam Sha'ri, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. [sharil@upm.edu.my](mailto:sharil@upm.edu.my)

<sup>3</sup> Halis Azhan Mohd Hanafiah, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. [halis\\_azhan@upm.edu.my](mailto:halis_azhan@upm.edu.my)

<sup>4</sup> Ahmad Mahmud Musanif, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. [ammusanif@upm.edu.my](mailto:ammusanif@upm.edu.my)

## Pengenalan

Keupayaan berbahasa menerusi peranti pemerolehan bahasa yang disebut *Language Acquisition Device* (LAD) merupakan anugerah kepada manusia dalam menjalankan kehidupan sosialisasi dan sekaligus membezakan manusia dengan haiwan. Manusia menggunakan pelbagai cara untuk berkomunikasi, sama ada melalui lisan atau bukan lisan. Melalui medium penggunaan bahasa, manusia berkomunikasi untuk menyuarakan perasaan, menyampaikan ilmu, melahirkan buah fikiran, dan mencipta karya melalui kesusasteraan sama ada secara lisan atau tulisan. Sato (1991) berpendapat bahawa dalam menyampaikan sesuatu fikiran, pihak penyampai maklumat harus mengetahui apakah yang dimaksudkan oleh penutur, bukan sahaja dari sudut struktur ayat, malahan dari sudut aspek konteks pertuturan. Begitu juga situasinya apabila seseorang penutur cuba menyampaikan makna yang ada dalam mindanya agar difahami oleh pendengar. Tanpa aspek makna, sesuatu ujaran atau tulisan yang diungkapkan tidak dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pendengar atau pembaca. Hal ini demikian kerana, tanpa konteks situasi pertuturan atau hubungan ujaran antara ayat, sukar untuk manusia berkomunikasi dan bersosialisasi dengan berkesan.

Selain itu, ayat tanya turut dijadikan satu elemen dalam mengumpulkan maklumat semasa berkomunikasi. Dalam tulisan, ayat tanya akan ditandai dengan tanda tanya atau tanda soal [?]. Contohnya, *Pasukan badminton Malaysia memenangi Piala Thomas?* atau *Bilakah hari jadinya?*. Ayat tanya tidak langsung pula merupakan ayat tanya dalam bentuk cakap pindah. Contohnya, *Dia bertanya mengapa saya tidak datang*. Menurut Nik Safiah et al. (1996), ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal. Selain itu, pada setiap akhir ayat tanya ini akan diberi satu tanda iaitu tanda soal [?]. Tanda soal yang digunakan dalam bahasa tulisan ini sebenarnya merupakan nada penutup yang meninggi sebelum disambut oleh kesenyapan.

Pengkaji terdahulu M. Azmi Ruzali (2001), dalam kajiannya yang berkaitan dengan penganalisisan makna ayat tanya berdasarkan teks sastera klasik yang berjudul *Hikayat Raja Muda*. Kajian ini berfokuskan kepada ayat tanya terbuka dan ayat tanya tertutup dari sudut nahuan dan konteks situasi pertuturan. Kajian ini menjelaskan bahawa makna sesuatu pertanyaan itu bukan sahaja bergantung kepada terbuka atau tertutup jenis ayat tanya tersebut. Namun makna pertanyaan itu dapat dilihat dari sudut konteks situasi pertuturan, ayat tanya ini akan membawa makna untuk mendapatkan kepastian, pernyataan rasa, pernyataan amaran, pernyataan permintaan, penegasan nasihat dan sebagainya. Selain itu, Mohd Anuar Mat Salleh (2002), mengkaji ayat tanya keratan yang merujuk kepada wacana perbualan. Kajian ini bertujuan memperlihatkan ayat tanya yang terdapat dalam novel-novel Melayu yang terpilih berlandaskan kepada huraian Asmah Haji Omar. Kajian ini mendapati ayat tanya keratan yang dianalisis tersebut ada yang terdiri daripada pertanyaan terbuka yang turut merangkumi pertanyaan nama serta pertanyaan adverba yang mempunyai beberapa subgolongan seperti pertanyaan sebab, pertanyaan tempat, pertanyaan arah permulaan, pertanyaan arah tumpuan, pertanyaan waktu dan pertanyaan gaya. Seterusnya kajian ini merumuskan bahawa ayat tanya keratan dalam wacana perbualan dari segi nahuan dapat dikelompokkan ke dalam beberapa kelompok nahu yang tertentu. Manakala Zainal Kassin (2002), dalam kajiannya yang menganalisis ayat tanya terbuka dalam novel terpilih karya A. Samad Said yang mengkaji makna berdasarkan konteks situasi pertuturan. Dari sudut konteks situasi pertuturan, ayat tanya terbuka ini membawa maksud pernyataan yang bukannya memerlukan jawapan semata-mata. Ayat tanya terbuka yang mempunyai dua subgolongan seperti pertanyaan nama dan pertanyaan adverba. Berdasarkan kajian tersebut dirumuskan bahawa analisis kajiannya dapat menjelaskan tentang ayat tanya terbuka yang

dikaji bukan sahaja pertanyaan untuk mendapatkan maklumat malahan mempunyai makna yang berlainan dari segi konteks situasi pertuturannya.

### Permasalahan Kajian dan Objektif Kajian

Ketika berkomunikasi, manusia memerlukan dua atau lebih penutur untuk mendapatkan tujuan tertentu. Sama ada bertujuan untuk mendapatkan informasi, membentuk sosialisasi, mempengaruhi orang lain dan sebagainya. Ketika berkomunikasi setiap individu yang terlibat mengharapkan hasil yang baik dan berkesan. Namun begitu, sering kali berlaku salah faham dalam proses komunikasi seharian mahupun melalui pembacaan. Penggunaan ayat yang pelbagai ini merupakan cara atau gaya penulisan naratif oleh pengarang juga menyebabkan pembaca sering mengalami kekaburan makna, seterusnya akan mengganggu gugat kelancaran mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang. Bagi ayat tanya, ia mempunyai berbagai bentuk. Sama ada ayat tanya yang memerlukan jawapan yang panjang atau terperinci atau ayat tanya yang memerlukan jawapan yang pendek untuk mendapatkan kepastian. Selain itu, ada juga ayat tanya yang tidak perlu dijawab atau jawapannya cukup sekadar dengan respon daripada gerak tubuh. Adakalanya, makna ayat tanya tidak dapat difahami dengan tepat akibat pendengar gagal memahami konteks ayat mengikut situasi pertuturan atau penutur sendiri gagal dalam penguasaan sesuatu bahasa tersebut. Selain itu, perbezaan tahap pengetahuan, pendidikan, pekerjaan, atau latar belakang kehidupan yang lain turut berkaitan rapat dengan penguasaan makna dan tahap penyalinan dalam sesuatu pertuturan. pewajaran perlu diberi untuk penyataan seperti ini.

Sebagai contoh, bidang perubatan, undang-undang, sastera, pertanian, atau kejuruteraan mempunyai penggunaan istilah dan laras bahasa yang tersendiri, serta menuntut tahap penguasaan yang tinggi dalam bidang tersebut. Jelaslah bahawa seseorang lebih mudah menguasai atau memahami sesuatu pertuturan sekiranya perkara yang dituturkan merupakan sesuatu yang berkaitan dengan disiplin dirinya.


Melalui isu tersebut telah membuat ruang kepada pengkaji untuk mengkaji dan menganalisis kepelbagaian jenis dan makna ayat tanya berdasarkan ayat tanya yang terkandung dalam novel *Lentera Mustika*.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan pustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Kaedah tinjauan pustakaan digunakan bagi mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan makna dan ayat tanya dalam bahasa Melayu. Kaedah ini dilaksanakan melalui penelitian terhadap bahan-bahan diperolehi daripada buku-buku, jurnal, tesis, artikel dan kamus-kamus yang berkaitan dengan konteks kajian. Manakala dari sudut analisis teks pula, kajian ini lebih tertumpu kepada jenis dan makna ayat tanya dari sudut wacana yang terkandung dalam novel ini dan teks-teks terpilih dalam novel ini akan dikaji. Selain itu, tumpuan kajian ini dibataskan kepada dua bahagian, iaitu bahan kajian dan aspek kajian. Bagi batasan bahan kajian ialah novel *Lentera Mustika* yang merupakan hasil karya Nisah Haron terbitan PTS Litera Utama Sdn.Bhd (2009). Novel ini dipilih kerana mengandungi kepelbagaian ayat tanya yang sesuai untuk dijadikan data dengan matlamat kajian. Manakala batasan kajian bagi aspek yang dikaji pula terbatas kepada jenis dan makna ayat tanya dari sudut wacana yang digunakan dalam konteks penceritaan yang dibawa oleh pengarang novel. Bahan kajian yang

digunakan oleh pengkaji merupakan sebuah novel yang berjudul *Lentera Mustika* terbitan PTS Litera Utama Sdn.Bhd (2009) yang dikarang oleh Nisah Haron.

**Rajah 1: Pendekatan Ayat Tanya Asmah Haji Omar (2009)**



Rasional pemilihan novel yang mengandungi 409 muka surat ini adalah kerana gabungan elemen undang-undang, sastera, dan cinta yang telah mewujudkan pelbagai bentuk ayat tanya berdasarkan perbezaan disiplin tiga elemen tersebut. Kajian ini menggarap Pendekatan Ayat Tanya Asmah Haji Omar yang terkandung dalam *Nahu Melayu Mutakhir*, 2009. Pendekatan ini menegaskan ayat tanya terbahagi kepada dua jenis iaitu, ayat tanya tertutup dan ayat tanya terbuka.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Makna ayat tanya akan dianalisis berdasarkan novel *Lentera Mustika* karya Nisah Haron. Ayat-ayat tanya yang terdapat dalam novel ini akan dianalisis satu per satu, sama ada dari sudut jenis dan makna.

#### I. Elemen Undang-undang

Bil	M/S	Ayat Tanya (AT)	AT Tertutup		AT Terbuka	
			Penuh	Tempelan	Nama	Adverba
1	45	"Milikan kosong itu apa?"	-	-	/	-
2	54	"Cepat pula <i>perjanjian</i> ni siap ya?"	-	-	-	/
3	54	"Nanti siapa yang akan uruskan <i>pinjaman</i> saya dengan pihak Bahagian Pinjaman Perumahan, tuan?"	-	-	/	-
4	211	"Agak-agak nanti, aku dapat diskaun <i>legal fees</i> tak?"	/	-	-	-
5	250	"Tuan, saya nak tanya. Kalau <i>rumah ini atas nama saya</i> , bolehkah suami saya buat apa-apa kepada rumah ini?"	/	-	-	-
6	251	"Hem...katakanlah saya ada tanah lain yang kami <i>kongsi nama</i> , dua nama. Kalau terjadi hal yang sama, bagaimana dengan <i>hak</i> saya, tuan?"	-	-	-	/
7	260	"Tak salahlah kalau saya nak <i>hibah</i> rumah yang saya beli ini kepada anak saya yang perempuan, ya tuan? ..."	-	/	-	-

8	359	"... lari dari rumah tanpa izin suami, bukankah itu <i>nusyuz</i> namanya? Jangan nak putar belitkan kata-kata. Saya tahulah encik ni peguam."	/	-	-	-
9	367	" <i>Nafkah</i> tempat tinggal ni sudah dicampurkan sekali dengan <i>nafkah edah</i> ke, tuan?"	/	-	-	-
10	380	"Apa perlunya <i>surat wasiat</i> ?"	-	-	-	/

## II. Elemen Sastera

Bil	M/S	Ayat Tanya (AT)	AT Tertutup		AT Terbuka	
			Penuh	Tempelan	Nama	Adverba
1	26	Indahnya susun kata tatkala berjanji. <i>Selat Melaka bila akan kering?</i>	-	-	-	/
2	24	<i>Nafasnya sampai ke penghujung</i> , dihela perlahan-lahan. Dapatkah orang lain merasakan apa-apa yang sedang diperjuangkannya?	/	-	-	-
3	57	"Siapakah pengamalnya? Siapa lagi yang bercakap menggunakan <i>pantun</i> macam orang dulu kala? Siapa lagi yang tahu <i>bersyair</i> ketika bercerita dengan anak-anak sebelum tidur?" tukas seorang pelajar lain.	-	-	/	-
4	58	Bagaimana mahu disampaikan maksud yang bersarang di hatinya?	-	-	-	/
5	82	' <i>Warisan</i> inilah yang bakal terjual ke tangan entah siapa?' fikir Ainul Mustika.	/	-	-	-
6	83	Tergamakkah dia menjual <i>sebuah nostalgia</i> ?	/	-	-	-
7	128	Dengan kayu ukur yang bagaimana boleh <i>disukat keikhlasan</i> seseorang?	-	-	/	-
8	226	"Betul tu. Jadi, apakah fokus kau dalam <i>puisi tradisional</i> nanti?"	-	-	/	-
9	229	"Tapi, tidak banyak sedikit, <i>syair</i> itu tetap membuat kau berfikir juga bukan?"	-	/	-	-
10	382	"Ainur mesti ingat lagi <i>pantun</i> dalam lagu dari filem <i>Gurindam Jiwa</i> ?"	/	-	-	-

## III. Elemen Cinta

Bil	M/S	Ayat Tanya (AT)	AT Tertutup		AT Terbuka	
			Penuh	Tempelan	Nama	Adverba
1	68	"Apakah kau tidak mungkin belajar untuk membina <i>kasih sayang</i> ini semula?"	/	-	-	-
2	71	"Jika demikian, akan aku <i>noktahkan saja pertemuan ini</i> , Mustika?"	-	/	-	-
3	105	"Aku mahukan kata putus daripadamu, Mustika. Benarkah kita tak mungkin <i>sehaluan</i> lagi?"	/	-	-	-
4	106	"Seandainya hati keluarga saya terbuka untuk menerimamu setelah saya berjaya memujuk mereka, <i>adakah Mustika boleh menerima saya kembali?</i> "	/	-	-	-
5	132	Wajarkah dia menguji pemberian setiap lelaki dengan <i>mengukur tingkat keikhlasan</i> ?	/	-	-	-
6	140	"Adakah profesor masih tidak sudi untuk <i>menerima tawaran</i> saya?"	/	-	-	-

7	267	“Tega kau tidak mengundang aku ke <i>walimahmu</i> ?”	/	-	-	-
8	275	“.... Semakin diasak perasaan sedih dan kecewa, semakin kuat dan tebal dinding perasaan itu dibina di sekeliling diri. Itulah bentuk penentangan yang diberikan kepadanya. Ainur dapat <i>merawat luka itu sendiri</i> , tapi saya tak fikir Ainur dapat memaafkannya, bukan?”	-	/	-	-
9	279	“Itukah syarat untuk <i>memenangi hati</i> seorang Dr. Mustika?”	/	-	-	-
10	372	“Apa maksud ‘ <i>dipunyai oleh orang lain</i> ’? Lain benar bunyinya.”	-	-	-	/

Berdasarkan persoalan yang mengandungi elemen undang-undang dapat dihuraikan seperti berikut:

“*Milikan kosong* itu apa?”

(*Lentera Mustika*, 2009 : 45)

Persoalan ini merupakan ayat tanya terbuka yang menggunakan pertanyaan nama dan diujarkan secara pasif. Persoalan tersebut boleh sahaja menjadi “Apakah *milikan kosong*?” yang memberi fokus kepada judul –*apa* dan pratikel *kah* selepas judul.

Elemen undang-undang dalam ayat tanya tersebut ialah penggunaan istilah ‘*milikan kosong*’ yang membawa maksud serahan kunci telah dilakukan oleh pemaju perumahan kepada pembeli. Walaupun *milikan kosong* telah dilakukan, pembeli masih tidak dibenarkan menduduki rumah tersebut kerana Sijil Layak Menduduki masih belum diperolehi, meskipun air dan elektrik telah disediakan. *Milikan kosong* juga merupakan satu strategi pemaju perumahan untuk mengaburi mata pembeli agar tidak melakukan tuntutan ganti rugi kelewatan sekiranya melebihi tempoh 24 bulan seperti dalam perjanjian.

“Agak-agak nanti, aku dapat diskaun *legal fees* tak?”

(*Lentera Mustika*, 2009 : 211)

Persoalan seterusnya merupakan ayat tanya tertutup penuh yang memerlukan jawapan ya atau tidak. Persoalan ini boleh sahaja menjadi “Agak-agak nanti, aku dapat diskaun *legal fees* atau tidak?” Namun dalam pertuturan lisan, persoalan ini boleh ditunjangi lagi dengan bahasa lisan yang tidak menggunakan ‘atau’ pada pemilihan yang mempunyai kata nafi sebagai unsur kedua, tetapi dengan menggunakan partikel *kah*. “Agak-agak nanti, aku dapat diskaun *legal feeskah* tidak?”

*Legal fees* merupakan istilah perundangan yang berkaitan dengan kos guaman dalam perjanjian jual beli dan perjanjian pembiayaan perumahan yang mempunyai skala pengiraan yang tertentu.

“Hem...katakanlah saya ada tanah lain yang kami *kongsi nama*, dua nama. Kalau terjadi hal yang sama, bagaimana dengan hak saya, tuan?”

(*Lentera Mustika*, 2009 : 251)

Selain itu, persoalan berikutnya merupakan ayat tanya terbuka adverbial. Hal ini jelas menunjukkan penggunaan pertanyaan adverbial yang terbahagi kepada subgolongan pertanyaan gaya : *bagaimana? Macam mana?* .

Merujuk kepada persoalan berikut, penutur hanya mempersoalkan haknya sekiranya perkara yang tidak diingini berlaku. Penggunaan istilah *kongsi nama* yang menimbulkan elemen undang-undang dalam data ini mampu ditafsirkan sebagai *kongsi geran*. Hal ini merujuk kepada satu harta yang dikongsi bersama, mempunyai lebih daripada satu nama dalam geran, mempunyai hak dan tanggungjawab bersama terhadap sebarang cukai dan pampasan.

Manakala, persoalan yang mempunyai elemen sastera dapat dihuraikan seperti berikut:

Indahnya susun kata tatkala berjanji. *Selat Melaka bila akan kering?*

(*Lentera Mustika*, 2009 : 26)

Persoalan ini merupakan jenis ayat tanya terbuka adverbial yang terbahagi kepada subgolongan pertanyaan waktu : *bila?* Dalam pertanyaan seperti ini, frasa tanya itu biasanya merupakan judul ayat dan menjadi fokus, dengan atau tanpa partikel *kah*. Sekiranya menggunakan partikel *kah*, persoalan begitu menjadi ‘Indahnya susun kata tatkala berjanji. Selat Melaka *bilakah* akan kering?’

Berdasarkan elemen sastera yang terkandung dalam persoalan ini, jelas menunjukkan penggunaan gaya bahasa hiperbola, iaitu suatu perbandingan yang tidak logik atau melampau. Penulis cuba menggambarkan keadaan satu watak telah berjanji terhadap pasangannya sehinggalah menggunakan Selat Melaka sebagai saksi. Keadaan yang mustahil untuk Selat Melaka kering telah membawa maksud janji yang selama-lamanya.

“Siapakah pengamalnya? Siapa lagi yang bercakap menggunakan *pantun* macam orang dulu kala? Siapa lagi yang tahu *bersyair* ketika bercerita dengan anak-anak sebelum tidur?” *tukas* seorang pelajar lain.

(*Lentera Mustika*, 2009 : 57)

Ayat tanya terbuka pertanyaan nama telah digunakan dalam persoalan ini. Fokus dalam ayat ini terletak pada judul –*siapa*. Hal ini dibuktikan dengan meletakkan partikel *kah* sesudah judul, contohnya: “*Siapakah* pengamalnya? *Siapakah* lagi yang bercakap menggunakan pantun macam orang dulu kala? *Siapakah* lagi yang tahu bersyair ketika bercerita dengan anak-anak sebelum tidur?” *tukas* seorang pelajar lain.

Penutur mengajukan persoalan secara berterusan dan beremosi dalam mempersoalkan tentang kesenian pantun dan syair pada zaman kini. Hal ini dibuktikan apabila petikan persoalan tersebut mengandungi perkataan *tukas*. Rujukan PRPM (Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP) perkataan *tukas* membawa erti mendakwa tanpa bukti yang cukup, menuduh sembarangan, dan dakwaan yang tidak beralasan.

Bagaimana mahu disampaikan maksud yang *bersarung* di hatinya?

(*Lentera Mustika*, 2009 : 58)

Penggunaan ayat tanya adverbs dengan pertanyaan gaya: *bagaimana* telah digarap dalam contoh persoalan ini. Frasa tanya ini juga boleh ditambah dengan partikel *kah* untuk menampakkan fokus pada judul ayat daripada *bagaimana* kepada *bagaimanakah*.

Elemen sastera yang terkandung dalam persoalan ini melibatkan pemilihan diksi *bersarang* yang merujuk kepada sesuatu yang dibuat atau dipilih untuk dijadikan tempat berteduh atau bersembunyi, dan melibatkan tempoh yang lama. Ayat tanya ini menunjukkan persoalan cara atau gaya untuk menzahirkan buah fikiran atau perasaan dari hatinya.

Berdasarkan persoalan yang mengandungi elemen cinta dapat dihuraikan seperti berikut:

“Apakah kau tidak mungkin belajar untuk *membina kasih sayang* ini semula?”

(*Lentera Mustika*, 2009 : 68)

Bagi persoalan ini pula, iaitu merupakan ayat tanya tertutup penuh yang memerlukan jawapan *ya* atau *tidak* sahaja. Persoalan ini mungkin dilihat seperti ayat tanya terbuka dengan pertanyaan nama kerana mengandungi kata *apakah*, namun dalam novel ini penutur merupakan seorang penutur bahasa Melayu Indonesia, yang menggunakan kata tanya *apakah*. *Apakah* dalam persoalan ini boleh diterima sebagai ayat nahuan, yang merupakan pertanyaan tertutup yang sama dengan bahasa Melayu Malaysia yang menggunakan *adakah*.

Frasa *membina kasih sayang* yang digunakan dalam persoalan ini membuktikan elemen cinta. Perkataan *membina* yang merujuk kepada membuat sesuatu bangunan seperti rumah supaya tegak berdiri, atau membuat sehingga terdiri sesuatu (seperti rumah, bangunan, jalan raya, dan lain-lain). Manakala *kasih sayang* merujuk kepada cinta kasih, atau perasaan belas kasihan. Justeru, dalam ayat ini penutur bertanyakan kemungkinan *ya* atau *tidak* untuk *membina* kembali *kasih sayang* bersama pasangannya.

“Jika demikian, akan aku *noktahkan saja pertemuan ini*, Mustika?”

(*Lentera Mustika*, 2009 : 71)

Ayat tanya tertutup dengan pertanyaan tempelan telah diterapkan dalam persoalan ini. Walaupun berdasarkan Pendekatan Ayat Tanya Asmah Haji Omar, pertanyaan tempelan terdiri daripada satu perkataan sahaja, iaitu *bukan* atau *ya* yang dipisahkan dari ayat yang mendahuluinya dengan jeda, atau lebih mudah difahami dipisahkan dari ayat selepas tanda koma [,], dan ditempelkan kepada ayat berita atau ayat perintah. Namun pengkaji mendapati bahawa ayat tersebut merupakan ayat berita sekiranya digugurkan perkataan *Mustika* dan tanda soal [?] seperti: “Jika demikian, akan aku *noktahkan saja pertemuan ini*.”. seterusnya, pengkaji mendapati penggunaan kata nama *Mustika* dan diikuti dengan tanda soal [?] sebagai pengganti kepada ayat tempelan *bukan* atau *ya*, seperti: “Jika demikian, akan aku *noktahkan saja pertemuan ini, ya?*”. Justeru, jelaslah bahawa persoalan ini merupakan ayat tanya tertutup dengan pertanyaan tempelan.

Elemen cinta dalam persoalan ini merujuk kepada *noktahkan saja pertemuan ini*. Merujuk PRPM *noktah* bermaksud tanda baca dalam tulisan yang digunakan setelah sesuatu ayat selesai, atau titik [.] manakal *pertemuan* pula merujuk kepada perihal bertemu. Maka, dalam persoalan ini penutur melambangkan perasaannya yang patah hati dengan cara menamatkan perkenalan antara dirinya dan *Mustika*.



“Itukah syarat untuk *memenangi hati* seorang Dr. Mustika?”  
(*Lentera Mustika*, 2009 : 279)

Penggunaan ayat tanya tertutup dengan pertanyaan penuh digarapkan dalam persoalan ini. Persoalan ini sama seperti ayat tanya tertutup yang lain, iaitu hanya memerlukan jawapan *ya* atau *tidak*.

Manakala elemen cinta dalam persoalan ini merujuk kepada *memenangi hati*. *Memenangi* merupakan suatu kejayaan dalam perlawanan atau peperangan, dan *hati* pula merujuk kepada organ dalaman manusia, atau perasaan manusia. Jelaslah *memenangi hati* dalam persoalan ini menggambarkan elemen cinta apabila penutur cuba mendapat kepastian tentang syarat untuk menawan hati seorang wanita bernama Dr. Mustika.

Justeru, pengkaji mendapati ayat tanya yang mengandungi banyak makna ini bergantung kepada konteks wacana. Ayat tanya bukan sahaja ayat yang harus mempunyai tanda soal [?] atau ayat yang mengandungi kata tanya, malah ayat tanya yang terkandung dalam novel yang dikaji ini turut mempunyai bentuk ayat tanya yang tidak membawa maksud persoalan. Terdapat juga ayat tanya yang digunakan bukan dengan tujuan untuk mendapatkan jawapan, tetapi adalah dengan tujuan yang berlainan agar makna ujaran tersebut memberi kesan yang lebih mendalam terhadap pendengar.

#### Penggunaan Ayat Tanya dengan Tujuan Lain

Secara umumnya, ayat tanya terbahagi kepada dua jenis iaitu ayat tanya tertutup dan ayat tanya terbuka. Umum maklum ayat tanya tertutup menuntut jawapan yang ‘ya’ atau ‘tidak’ sahaja. Manakala ayat tanya terbuka tidak memerlukan jawapan yang terhad dan berbentuk pelbagai. Namun begitu, berdasarkan pengamatan pengkaji ayat tanya terbuka bukan sahaja menuntut jawapan semata-mata. Bahkan ayat tanya terbuka turut digunakan untuk menyampaikan hasrat hati, buah fikiran, sindiran, arahan, pesanan, pujukan, cadangan dan sebagainya.

Melalui penggunaan ayat tanya untuk menyampaikan idea dan perasaan, ianya amat berfungsi sebagai alat untuk melapik bahasa. Dalam sesetengah keadaan, pertanyaan yang bersifat selapis tidak digunakan bagi mengelak daripada berlaku ketegangan ketika berkomunikasi. Ayat tanya yang membawa maksud selain daripada persoalan ini amat berkait rapat dengan penggunaannya dengan konteks situasi. Contoh penggunaan kata tanya dengan tujuan lain adalah seperti berikut:

“... *Jika persahabatan dan perkenalan serta apa-apa saja yang pernah kita lalui itu masih mahu dihormati, saya pinta; hormatilah kedudukan saya sebagai bakal seorang isteri saudara seagama denganmu. Adakah permintaan ini keterlauan?*” (5)

*Sunyi di hujung talian. Hanya desah nafas menandakan Syed Amirul Hakim masih ada di sana.*

“*Apakah tidak bisa untuk mengetahui tarikh kalian dilangsungkan? Tega kau tidak mengundang aku ke walimahmu?*” (6)

(*Lentera Mustika*, 2009 : 267)

Contoh ayat tanya (5), menggambarkan persoalan tersebut dikeluarkan bukan untuk mendapatkan jawapan *ya* atau *tidak*. Tetapi persoalan tersebut dikeluarkan sebagai sindiran atas permintaan penutur kepada si lawan bercakap. Manakala si lawan bercakap atau pendengar tidak menjawab persoalan tersebut, sebaliknya penutur menyambung perbualan dengan mengutarakan lagi soalan. Seperti contoh ayat tanya (6), persoalan itu menggambarkan kekesalan akan sikap dan layanan Ainur Mustika terhadap dirinya. Dengan menggunakan ayat tanya seperti itu, ia jelas menunjukkan kekesalan si penutur tanpa menyatakan secara terus bahawa dirinya kesal dengan layanan yang diterima.

*“... Kau pun patut tumpu pada tesis. Nanti lambat sangat orang panggil ‘Dr.’”*

***“Itukah syarat untuk memenangi hati seorang Dr. Mustika?”***(7)

*Sekilas berlalu debar rasa. “Pernahkah aku meletakkan syarat begitu?”*(8) *Suara dan perasaan Ainur Mustika segera dikawal.*

*“Andai itu syaratnya, sekarang juga aku siapkan tesis supaya malam ini juga aku bergelar ‘Dr.’”*

*(Lentera Mustika, 2009 : 279)*

Persoalan (7) membawa maksud bahawa ia ingin menyatakan hasrat hatinya (penutur) untuk mendapatkan tempat di hati si lawan bercakap (pendengar). Selain itu, penutur juga ingin menyahut cabaran seandainya dialog sebelumnya itu adalah satu cabaran untuk dirinya. Persoalan (8) juga bertujuan bukan untuk mendapatkan maklumat, tetapi untuk menyedarkan si lawan bercakapnya dan membetulkan tanggapan bahawa kenyataan pertamanya bukan suatu cabaran atau syarat yang perlu dipenuhi. Konteks situasi seperti ini memerlukan tahap penyalinan yang tinggi antara kedua-dua pihak, iaitu penutur dan pendengar. Supaya maksud sebenar yang ingin disampaikan jelas difahami oleh kedua-dua pihak walaupun setiap persoalan tersebut tidak dijawab malah turut dibalas dengan persoalan.

*“Kalau setakat nak pulang cincin tu, Jas tak kisah Kak Mus. Ini dia nak tuntutan duit perjalanan keluarganya datang ke sini, nak tuntutan duit belanja yang dia keluarkan kerana dia buat persediaan. Dia kata, dia putuskan pun sebab salah jas.”*

*Ainur Mustika terkejut. Berkerut dahinya.*

***“Manusia apa begitu?”***(9) *Mana ada orang yang putuskan tu pula yang tuntutan ganti rugi.”*

*(Lentera Mustika, 2009 : 303)*

Berdasarkan ayat tanya (9), penutur jelas mengutarakan persoalan tersebut dalam keadaan marah dan beremosi. Persoalan tersebut tidak perlu dijawab jenis manusia yang dimaksudkan, tetapi ianya adalah satu persoalan yang menggambarkan amarahnya terhadap seseorang setelah mendengar luahan penutur pertama. Persoalan tersebut juga dapat membawa maksud penuturnya sedang beremosi apabila terdapat kata kunci seperti ‘terkejut’ dan ‘dahi berkerut’ sebelum ayat tanya tersebut. Sekiranya kata kunci tersebut dihilangkan, kesan terhadap makna sebenar persoalan yang diutarakan oleh penutur kedua akan kurang berkesan kepada pembaca.

*“Kata orang, masa itu berlalu pantas kalau kita sedang bahagia. Tapi, terlalu lama kalau kita sedang menderita. Kita pun bukannya dapat lama di sini. Lusa sudah harus terbang pulang dan kita pun kembali kepada tugas kita. **Mungkin nanti kita akan aturkan musim bulan madu yang lebih panjang, ya bang?**”*(10)

(*Lentera Mustika*, 2009 : 335)

Ayat tanya (10) diajukan dengan tujuan untuk memberi cadangan atau suatu permintaan penutur kepada pendengarnya. Ayat tanya jenis tempelan ini akan menjadi ayat penyata jikalau ‘ya,bang?’ itu dihilangkan. Intonasi tinggi diakhir ujaran menjadikan ayat tersebut merupakan ayat yang meminta perhatian si lawan bercakap agar mendengar cadangan yang diutarakannya.

**“Kenapa, sayang?”(11)**

*Dia menoleh kepada suami yang bertanya. Tangan yang tadinya menukar gear kini dicapainya kura tangan isteri lalu diramas-ramas perlahan.*

*“Tak ada apa-apa.”*

**“Berat benar mengeluh. Takkan masih nak tanggung sendiri?”(12)**

(*Lentera Mustika*, 2009 : 321)

Ayat tanya (12) membawa maksud, si penutur memujuk isterinya berkongsi cerita atau tidak memendam seorang diri akan masalah yang dihadapinya. Ayat tanya (11) yang diutarakan adalah untuk mendapatkan maklumat, namun persoalan kali kedua (12) diajukan sebagai satu pujukan agar pendengar (isteri) mengambil keputusan untuk tidak berahsia dengannya. Selain itu, ayat tanya tersebut secara tidak langsungnya telah menggambarkan bahawa penutur ingin menyakinkan pendengar bahawa masalah tersebut akan menjadi ringan apabila berkongsi dengan orang lain.

*“Sabar. Tidak ada perkara yang pasti di dunia ini. Allah mampu mengubah segala-galanya. Bukankah orang Islam ada doa sebagai senjata dan juga pelindung bagi setiap dugaan dan bahaya?” (13)*

(*Lentera Mustika*, 2009 : 374)

Berdasarkan ayat tanya (13), ianya merupakan persoalan yang digunakan bagi menyampaikan maklumat. Persoalan tersebut diutarakan dengan intonasi tanya dan ia akan memberi kesan yang lebih mendalam kepada pendengar sebagai suatu peringatan tentang kelebihan berdoa bagi orang yang beragama Islam. Berdasarkan konteks wacana, persoalan yang digunakan itu amat berkaitan dengan perkataan ‘sabar’ yang disebut diawal pertuturannya sebagai memberi nasihat atau ingatan yang digayakan dalam bentuk ayat tanya. Contoh-contoh persoalan yang digunakan untuk tujuan menasihati atau menyedarkan adalah seperti berikut:

*Hujan lebat pagi itu seperti menjanjikan petang yang basah ataupun setidaknya tidaknya cuaca mendung sepanjang hari. Tetapi, itu cuma dugaan manusia biasa. Ramalan yang bergantung pada sesuatu yang dianggap munasabah.*

***Sekali lagi, itu juga kerja Tuhan. Bukankah tidak ada sebutir zarah pun yang mampu bergerak tanpa izin-Nya?(14)***

(*Lentera Mustika*, 2009 : 387)

*Dalam hatinya, Ainur Mustika memanjatkan syukur. Benarlah, setiap kejadian itu tetap ada hikmahnya. Bukankah apabila diuji, ertinya Allah masih ingat dan sayang kepada hamba-Nya?(15)*

(*Lentera Mustika*, 2009 : 392)

Seperti persoalan (16) di bawah, ia juga digunakan bukan untuk mendapatkan maklumat, sebaliknya ia diutarakan dengan maksud sebagai satu gurauan yang membentuk sosialisasi atau menunjukkan keakraban antara penutur dan pendengar. Persoalan yang berbentuk sebegini tidak menuntut jawapan untuk dibalas, cukup sekadar tersenyum atau anggukan yang menyambut kepada persoalan tersebut.

*“Tapi, kenapa masih banyak yang menghadihkan pinggan dan cawan ya?” soal Zul Farhan sambil disambut gelak kecil isterinya.*

*“Sebab Jas nak buka restoranlah, bang!”*

*“Ya lah, cuba tengok Kak Mustika dengan Abang Johan tu. Dapat pinggan dengan cawan juga. **Jadi, kena buka restoran jugalah, Bang Johan?**”(16)*

*(Lentera Mustika, 2009 : 312)*

#### Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Persoalan boleh terbentuk dengan pelbagai cara. Salah satunya dengan membuat persoalan tanpa menggunakan kata tanya. Tanda soal [?] yang digunakan diakhir ujaran menandakan ayat tersebut merupakan ayat tanya dan perlu dibaca atau disebut dengan intonasi menaik pada akhir ayat (Nik Safiah, 2011 ; 442). Tanpa tanda soal [?], ayat tersebut akan menjadi ayat penyata, arahan, atau seruan. Contoh yang terkandung dalam novel yang dikaji ialah:

*Ya Allah! Terhenti suara Ainur Mustika di kerongkong. Gagang yang dipegang hampir terlepas.*

*Sekilas pandangan dilontarkan pada cincin di jari manisnya. Hirisan kenangan singgah menerpa. Kenangan manis, kenangan pahit, kenangan yang tidak mahu dilupakan.*

*“**Dr. Mustika?** (17) Boleh saya sambungkan panggilan?”*

*Darahnya berderau. Debaran tiba-tiba hadir.*

*(Lentera Mustika, 2009 : 25)*

Berdasarkan contoh ayat tanya (17), ayat tanya tersebut digunakan untuk menegur atau mengedarkan ‘Dr.Mustika’ yang tidak bersuara agar memberi tindak balas. Mungkin juga bertujuan untuk memastikan sama ada ‘Dr.Mustika’ masih berada dalam talian atau tidak.

*“**Jauh lagi perjalanan kita, Rozario?**”(18) soal Emir Johan.*

*Ainur Mustika memerhatikan yang suaminya lebih banyak mendiamkan diri.*

*“**Abang masih pening?**”(19)*

*(Lentera Mustika, 2009 : 330)*

Contoh ayat tanya (18) dan (19), jika tidak diakhiri dengan tanda soal [?] ia akan menjadi ayat penyata yang menyatakan maklumat bahawa perjalanan mereka masih jauh dan ‘Abang’nya masih pening.

Begitu juga dengan ayat tanya (20) dan (21), jika tidak ditandai dengan tanda soal [?], perkataan ‘ketiga’ itu akan menjadi sekadar perkataan yang diulang berdasarkan dialog penutur sebelumnya. Manakala perkataan ‘Tak sabar nak minum kopi Tenom’ pula, akan menjadi ayat penyata atas tekaan untuk kandungan ‘mesej daripada Kak Dahl,

*“Insya-allah, abanglah orang ketiga dalam senarai cinta dan kasih sayang saya.”*

**“Ketiga?”**(20)  
*“Selepas Allah dan Rasul.”*

(Lentera Mustika, 2009 : 344)

*“Mesej daripada Kak Dah,” ujarnya memberitahu Emir Johan.  
“Apa katanya? Tak sabar nak minum kopi Tenom?”*(21)

(Lentera Mustika, 2009 : 345)

Jelaslah bahawa ayat tanya tanpa kehadiran kata tanya masih mampu difahami dan berfungsi sebagai ayat tanya. Sebagaimana ia ditandai oleh tanda soal [?], ia harus diujarkan mengikut intonasi tanya. Berikut terdapat contoh ayat penyata yang akan menjadi ayat tanya jika diakhiri dengan tanda soal [?], contoh ayat tanya (22) dan (23) di bawah telah diubah berdasarkan petikan dalam novel yang dikaji.

*“Kau nampak terganggu apabila terpandang dia.”*

(Lentera Mustika, 2009 : 170)

**“Kau nampak terganggu apabila terpandang dia?”**(22)

*“Ini bukan angan-angan lagi, Profesor.”*

(Lentera Mustika, 2009 : 143)

**“Ini bukan angan-angan lagi, Profesor?”**(23)

Ayat Tanya Tanpa Tanda Soal [?]

Terdapat juga ayat tanya yang digunakan tanpa tanda soal [?]. Kebanyakan bentuk ayat tanya sebegini wujud dalam konteks wacana dan tidak digunakan dalam bahasa lisan kerana intonasi biasanya terjadi apabila wujudnya tanda baca atau partikel dalam ayat. Apabila tanda soal [?] tidak dihadirkan diakhir ayat, yang menjadi pengesan kepada bentuk ayat tanya adalah pemilihan diksi dan partikel *-kah* yang digunakan.

Dalam novel ini, turut mengandungi beberapa contoh ayat tanya yang digunakan tanpa tanda soal [?]. Contoh ayat tanya tersebut, adalah seperti berikut:

*“Dulu, abang fikir, pesaing abang ialah Syed Amirul Hakim dan Zul Farhan sahaja. **Rupa-rupanya Rozario juga pernah ada hati kepada isteri abang, ya.**”*(24)

*Ainur Mustika tertunduk. Tidak pasti jawapan yang bagaimana harus dipersembahkan kepada suaminya*

(Lentera Mustika, 2009 : 342)

Contoh ayat tanya dengan tanda soal [?] :

**“...Rupa-rupanya Rozario juga pernah ada hati kepada isteri abang, ya?”**

Ayat tanya tanpa tanda soal [?] (24), merupakan sejenis ayat tanya tempelan yang menempel pada ayat berita. Yang menjadi pengesan kepada ayat tersebut, ialah ‘ya’ yang digunakan diakhir ujarannya sebelum jeda yang ditandai dengan koma [,]. Makna ayat tanya tersebut, seolah-olah meminta persetujuan akan kata-katanya.

*Serentak dengan itu, kedua-dua wanita yang bersembunyi keluar mendapatkan pasangan masing-masing.*

*“Abang! **Tak cukupkah abang nak pukul saya** (25), sekarang abang nak bunuh orang!” Teriakan Dahlia yang meluru keluar membuatkan Amran tergamam.*

(Lentera Mustika, 2009 : 360)

Contoh ayat tanya dengan tanda soal [?]:

“Abang! *Tak cukupkah abang nak pukul saya?* Sekarang abang...”

Bagi ayat tanya (25), partikel *-kah* yang digunakan menjadi pengesan kepada jenis ayat tanya tersebut. Jika penggunaan ayat tanya tidak diinginkan dalam contoh petikan di atas, penutur boleh menghilangkan kata nafi ‘*tak*’ dan menggantikan partikel *-kah* kepada *-lah*. Seterusnya menjadikan ayat tersebut sebagai kata penegas.

Berdasarkan contoh ayat tanya (26) di bawah, penggunaan adverba pertanyaan gaya ‘*bagaimana*’ telah menjadi pengesan kepada pendengar atau pembaca bahawa ayat tersebut merupakan persoalan yang meminta maklumat.

“*Tentang prosedur mahkamah tu, saya tak berapa risau. Soalnya, bagaimana hendak menenangkan Jas.*” (26)

(Lentera Mustika, 2009 : 305)

Melalui kajian ini dapat dirumuskan bahawa jenis dan makna ayat tanya yang dianalisis berdasarkan konteks wacana daripada novel mempunyai fungsi dan makna yang pelbagai dalam menyampaikan sesuatu persoalan mahupun menyatakan hasrat, buah fikiran dan perasaan ketika berkomunikasi. Jelaslah bahawa ayat tanya tidak sepatutnya difahami sebagai suatu pertanyaan semata-mata, bahkan ayat tanya juga digunakan untuk menyampaikan sesuatu makna dalam pertuturan. Tafsiran ayat tanya yang difahami secara selapis akan meletakkan ayat tanya sebagai sesuatu persoalan sahaja. Oleh itu, analisis ini dilakukan untuk menerangkan lebih terperinci perihal ayat tanya dalam berkomunikasi supaya makna sebenar yang ingin disampaikan dalam pertuturan dapat dicapai.

## Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M Azmi Ruzali. (2001). Makna Ayat Tanya dalam “Hikayat Raja Muda”. Projek Ilimah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Anuar Mat Salleh. (2002). Ayat Tanya Keratan dalam Wacana Perbualan. Projek Ilmiah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1996). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nisah Haron. (2009). *Lentera Mustika*. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Sato Haribumi. (1991). *Analisis Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah: Suatu Pandangan dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kassin. (2002). Ayat Tanya Terbuka dalam Novel “Hujan Pagi” Karangan A. Samad Said: Satu Kajian Makna Berdasarkan Konteks Situasi Pertuturan. Tesis Master: Universiti Putra Malaysia.